

**P.U. (A) 259.**

**AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006**

**PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR  
(PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2008**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 179(*g*) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Pengkompunan Kesalahan) 2008**.
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2008.

**Kesalahan yang boleh dikompau**

2. Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 124, 125, 127, 130, 139 dan 161, subseksyen 20(4), 21(3), 26(2), 29(6), 30(6), 40(2), 41(4), 42(3), 44(2), 45(7) dan (14), 47(6), 49(2), 50(2), 56(6), 59(3), 60(4), 61(2), 65(3), 66(1), 89(9), 122(1), 123(3), 126(2), 128(2), 129(1), 135(2), 149(7) dan 177(11), dan perenggan 121(2)(*c*) Akta ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompau.

**Pengkompunan kesalahan**

3. (1) Sesuatu tawaran untuk mengkompau suatu kesalahan hendaklah dibuat dalam Borang 1 Jadual.
- (2) Seseorang yang menerima suatu tawaran untuk mengkompau kesalahan hendaklah mengemukakan bayaran bagi kompau dalam Borang 2 Jadual.

**Pembayaran kompaun**

4. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan telah dibuat dan diterima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membuat bayaran melalui kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”.

(2) Pembayaran hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berbayar dahulu ke alamat yang dinyatakan dalam Notis Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan.

(3) Suatu resit hendaklah dikeluarkan bagi tiap-tiap bayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

**Pembatalan**

5. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pembetulan (Pengkompunan Kesalahan) 2001 [*P.U. (A) 201/2001*] dibatalkan.

JADUAL

**BORANG 1**

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR  
(PENGKOMPUNAN KESALAHAN) 2008

[Subperaturan 3(1)]

NOTIS TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Apabila menjawab sila nyatakan:

Nombor Rujukan: .....

Tarikh: .....

Kepada:

.....  
.....  
.....

Tuan/Puan\*,

Saya telah menerima suatu aduan/maklumat\* bahawa anda/.....\*  
(nyatakan nama syarikat/perniagaan/badan lain\*)  
dikatakan telah melakukan kesalahan seperti yang berikut:

Peruntukan undang-undang yang berkaitan:.....

Tarikh:..... Masa:.....pagi/petang\*

Tempat:.....

†

Butir-butir kesalahan:.....  
 .....  
 .....

2. Anda dimaklumkan bahawa menurut kuasa yang terletak hak pada Suruhanjaya di bawah subseksyen 163(2) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, Suruhanjaya dengan ini menawarkan untuk mengkompaunkan kesalahan itu bagi jumlah RM..... (Ringgit.....).

3. Jika tawaran ini diterima, pembayaran hendaklah dibuat melalui kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang kena dibayar kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" dan boleh diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berbayar dahulu ke alamat yang berikut:

.....  
 .....  
 .....

4. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila bayaran diterima.

5. Tawaran untuk mengkompaun ini berkuat kuasa sehingga..... dan jika tiada apa-apa jawapan diterima pada atau sebelum tarikh itu, prosiding pendakwaan akan dimulakan terhadap anda/.....\*  
 (*nyatakan nama syarikat/perniagaan/badan lain\**)

tanpa notis yang selanjutnya.

Tarikh.....

.....  
 Suruhanjaya Perkhidmatan  
 Air Negara

\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

† Nyatakan butir-butir.

## BORANG 2

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR  
 (PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2008

[Subperaturan 3(2)]

PENERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Kepada,

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara,  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

Saya merujuk kepada Notis Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan dengan Nombor Rujukan .....dan bertarikh.....

2. Saya menerima tawaran untuk mengkompaun dan menyertakan bersama-sama ini kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank\* No. .... bagi jumlah sebanyak RM.....(Ringgit.....) sebagai penyelesaian penuh jumlah yang dinyatakan dalam perenggan 2 Notis Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan.

Tandatangan:.....

Nama:.....  
(dalam huruf besar)

Nombor Kad Pengenalan:.....

Jawatan:.....  
(jika terpakai)

Untuk dan bagi pihak:.....  
(jika terpakai) (nyatakan nama syarikat/perniagaan/badan lain\*)

Meterai syarikat/Cap perniagaan atau badan lain\*: .....  
(jika terpakai)

No. Pendaftaran/No. Lesen/No. Permit\*: .....  
(jika terpakai)

Alamat: .....  
.....  
.....  
.....

Tarikh:.....

\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

Dibuat 10 Julai 2008  
[KTAK: BP(R) 427/1-2(11); PN(PU<sup>2</sup>)660/II]